

LAPORAN TAHUNAN / ANNUAL REPORT

2020

K A N D U N G A N

PERUTUSAN Pengerusi

2

LAPORAN DAN PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

3

SOROTAN Pencapaian

8

PROFIL KORPORAT

10

TADBIR URUS

14

LAPORAN
SEKSYEN AUDIT DALAM

27

LAPORAN BAHAGIAN
KHIDMAT KORPORAT

28

LAPORAN
BAHAGIAN OPERASI

41

Seksyen Pengurusan
Sumber Manusia

29

Seksyen
Sistem Pengurusan

42

Seksyen Pentadbiran

33

Seksyen
Penilaian Integriti

46

Seksyen
Teknologi Maklumat

35

Seksyen Latihan

55

Seksyen Penyelidikan dan
Pembangunan Ilmu

38

Seksyen Pemasaran dan
Komunikasi Korporat

60

KERATAN AKHBAR

63

PROGRAM DAN AKTIVITI
DI PERINGKAT IIM

69

Forum, Seminar dan Webinar

70

Pembangunan ABMS dan QMS

74

Aktiviti Sepanjang Perintah
Kawalan Pergerakan (PKP)

76

Sesi Apresiasi Sempena
Persaraan YBhg. Tan Sri Abu
Kassim

79

Sesi Penyerahan Pelan
Antirasuah IIM 2021-2025

80

LAPORAN PENGARAH DAN
PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

81

PERUTUSAN PENGURUSI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Institut Integriti Malaysia (IIM) sudah pun mencecah usia 16 tahun sejak penubuhannya pada tahun 2004. Pelbagai episod perubahan telah berlaku sepanjang tempoh ini. Namun, IIM terus berdiri kukuh merancang dan melaksanakan dasar dan inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah negara. Seperti yang semua sedia maklum, tahun 2020 telah pun memberi impak yang sangat besar kepada landskap ekonomi global disebabkan oleh pandemik COVID-19. Malaysia tidak terkecuali menerima impaknya dari pelbagai sudut yang menyebabkan sektor-sektor perniagaan bergelut untuk kekal berdaya tahan, sehinggakan ada yang terpaksa gulung tikar dan akhirnya memberi tekanan kepada pembuangan pekerja. Kombinasi krisis kesihatan dan krisis ekonomi ini ternyata telah memberi cabaran yang besar kepada kerajaan.

IIM memandang serius situasi ini dan dengan itu mempergiatkan usaha membantu sektor awam dan swasta menambah baik strategi, sistem pengurusan dan proses dalaman organisasi supaya dapat membendung ketirisan wang dan dana yang disebabkan oleh aktiviti penyelewengan, rasuah serta salah guna kuasa. Alhamdulillah, IIM telah dapat beradaptasi dengan situasi pandemik ini dengan baik melalui pemanfaatan inovasi teknologi digital di samping pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dikeluarkan oleh kerajaan, sekali gus membolehkan IIM memberikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti.

Selain itu, peruntukan undang-undang baharu Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (pindaan 2018) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 adalah bertepatan dan wajar ketika ekonomi negara sedang terjejas akibat COVID-19. IIM menyambut baik dan menyokong sepenuhnya inisiatif ini yang mana ia dapat mendorong organisasi komersial mengambil langkah yang wajar bagi memastikan perniagaan dijalankan dengan penuh integriti. IIM juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memberi kesedaran mengenai peruntukan undang-undang baharu ini dan membantu organisasi komersial membangunkan langkah-langkah yang wajar atau tatacara mencukupi bagi tujuan pencegahan rasuah.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, ahli IIM, rakan-rakan strategik, pemegang



taruh dan semua warga kerja IIM atas kepercayaan, sokongan serta kerjasama yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan agenda integriti negara.

Saya yakin dan percaya, dengan sokongan dan komitmen yang diberikan oleh IIM serta kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan, kita mampu melaksanakan agenda integriti dengan jayanya. Lebih utama, menjadikan Malaysia negara bebas rasuah, berdaya saing, progresif dan makmur.

Semoga segala usaha ke arah meningkatkan tahap integriti rakyat Malaysia akan memperoleh kejayaan, insya-Allah.

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI
Pengerusi
Institut Integriti Malaysia

LAPORAN DAN PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Tahun 2020 telah dicorakkan dengan situasi ketidaktentuan apabila kes pertama COVID-19 di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020. Pandemik COVID-19 memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada sektor ekonomi negara, malahan juga menuntut perubahan gaya hidup seharian. Perubahan dalam pekerjaan, pendidikan, kesihatan, hubungan sosial, keagamaan dan sebagainya perlu dilakukan sebaik mungkin bagi mengurangkan kesan yang lebih serius. IIM tidak terkecuali yang mana aktiviti dan perkhidmatan perlu diteruskan melalui beberapa perubahan kepada cara kerja yang bersesuaian dengan norma baharu. Sebahagian besar perancangan asal yang telah direncana terpaksa dikaji semula dan diubah.

Pada awal tahun 2020, IIM telah menetapkan sasaran pendapatan tahunan sebanyak RM4.4 juta melalui perkhidmatan konsultasi dan latihan bagi meningkatkan governans, sistem pengurusan, proses dalaman dan budaya integriti serta antirasuah dalam organisasi. Sasaran tersebut dibuat berdasarkan prestasi IIM pada tahun sebelumnya dan senario pada ketika itu yang memerlukan IIM bergerak lebih agresif bagi membendung aktiviti rasuah di sektor awam dan swasta.



Pada 16 Mac 2020, dengan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), IIM menyedari agak sukar untuk mencapai sasaran tersebut. Kajian, semakan dan penelitian semula ke atas Pelan Perniagaan IIM 2020 telah dibuat dan menetapkan sasaran jualan baharu sebanyak RM1.6 juta pada 28 April 2020.

Alhamdulillah, pada Disember 2020, IIM berjaya mencapai pendapatan sebanyak RM1.1 juta. Walaupun sasaran RM1.6 juta tidak tercapai, namun pengalaman yang diperoleh melalui perubahan bekerja dan cara kehidupan norma baharu telah memberikan kesan positif ke atas cara penyampaian perkhidmatan, pemikiran dan kemahiran warga kerja IIM.

▲ **Rajah 1: Sasaran jualan dan pencapaian pendapatan tahun 2020**

IIM telah berjaya membangun dan memperkenalkan beberapa produk baharu serta mentransformasikan produk sedia ada. Penyampaian konsultasi, bengkel dan latihan secara fizikal telah dijalankan secara maya. Transaksi dan proses dalaman yang dahulunya dibuat secara manual, kini hampir sepenuhnya dijalankan secara maya. Dasar bekerja dari rumah (BDR) juga digunakan bagi meningkatkan kompetensi warga kerja IIM, yang mana pelbagai sesi latihan telah dibuat oleh rakan sekerja melalui program perkongsian ilmu (*transfer of knowledge*).

“IIM telah berjaya membangun dan memperkenalkan beberapa produk baharu serta mentransformasikan produk sedia ada.”

PENCAPAIAN BERDASARKAN 6 STRATEGI UTAMA IIM


Walaupun dalam pergerakan yang terhad, kesemua enam strategi utama dalam Pelan Strategik IIM (2019 – 2021) yang telah dirancang diteruskan.



▲ **Rajah 2: Enam strategi utama IIM dalam Pelan Strategik IIM 2019 – 2021**

Strategi 1

IIM telah mencapai pendapatan sebanyak RM1.1 juta, iaitu 69% daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM1.6 juta. Pada suku tahun pertama, IIM cuma mencapai 1.25% daripada keseluruhan sasaran pendapatan. Pendapatan terus meningkat kepada 11% pada suku tahun kedua dan 36% pada suku tahun ketiga. Peningkatan yang signifikan direkodkan pada suku keempat iaitu 69% daripada sasaran jualan tercapai apabila IIM telah dapat mengadaptasi operasinya dalam situasi norma baharu. Beberapa faktor utama menyumbang kepada pencapaian ini iaitu transformasi produk dan perkhidmatan secara maya, penajaran penempatan (*repositioning*), pengukuhan sistem dan prosedur dalaman serta pengukuhan kapasiti dan kompetensi sumber manusia.




▲ **Rajah 3: Prestasi pendapatan tahun 2020**

Strategi 2

Hampir kesemua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan telah dijalankan secara maya. Sesi konsultasi, program latihan dan bengkel yang dahulunya dijalankan secara fizikal kini dilaksanakan secara maya.

Sesi penilaian integriti individu yang sebelum ini dibuat di makmal komputer IIM kini boleh dijalankan di mana-mana lokasi secara maya. Di samping itu, IIM juga telah menganjurkan beberapa forum dan seminar secara maya. Transformasi ini bukanlah satu pilihan, tetapi merupakan satu tuntutan perubahan yang perlu untuk IIM.



▲ **Rajah 4: Senarai produk dan perkhidmatan IIM**

"Hampir kesemua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan telah dijalankan secara maya."

Sepanjang tahun 2020, IIM telah memberikan perkhidmatan kepada 56 agensi dan 1,864 individu daripada sektor awam dan swasta bagi mempertingkatkan governans, integriti dan antirasuah. Perincian adalah seperti dalam Rajah 5.

Rajah 5: Bilangan agensi dan individu yang telah mendapatkan perkhidmatan IIM



Strategi 3

Pengenalan dan pelaksanaan BDR telah membuka peluang kepada IIM untuk mempertingkatkan pembangunan kompetensi sumber manusia menerusi penawaran latihan dalaman secara maya. Sebanyak 43 latihan dalaman dan luaran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Kompetensi dan pengetahuan warga kerja IIM telah dapat dimantapkan melalui beberapa sesi latihan yang dibuat oleh rakan sekerja melalui program *transfer of knowledge*. Selain itu, dasar pusingan kerja (*job rotation*) juga telah dilaksanakan pada tahun 2020 bagi memberi pendedahan dan pengalaman supaya warga kerja IIM mempunyai kepelbagaian kemahiran (*multi-skilled*).



Rajah 6: Pembangunan Sumber Manusia IIM 2020

Strategi 4

IIM terus mengekalkan kerjasama yang erat di semua peringkat termasuk agensi di bawah kerajaan persekutuan dan negeri, syarikat milik kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan pertubuhan perniagaan, badan profesional dan institusi pengajian tinggi. Kerjasama ini penting bagi menggerakkan dan menyalurkan perkhidmatan IIM dengan lebih berkesan melalui pelbagai bentuk aktiviti seperti seminar, bengkel, penyelidikan, latihan, konsultasi, perbincangan dan *benchmarking*.

Strategi 5

Bagi membolehkan IIM beroperasi dengan lebih efektif, pengukuhan struktur organisasi telah dilaksanakan melalui penajaran penempatan (*repositioning*) berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Penajaran penempatan dibuat setelah mengambil kira tahap kompetensi, pengalaman serta prestasi pegawai. Langkah ini diambil bagi memastikan pegawai yang mempunyai kompetensi dan potensi ditempatkan di seksyen yang bersesuaian supaya tugas

dapat dilaksanakan dengan lebih berkualiti dan efisien.

Selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Risiko (JKAR) IIM pada 10 Mei 2019, Seksyen Audit Dalam (SAD) telah diwujudkan dan berfungsi sebagai satu badan bebas yang menjalankan aktiviti pengauditan serta memberi nasihat bagi menambah baik dan mempertingkatkan tahap kecekapan serta keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus IIM.

Strategi 6

Sistem dan prosedur dalaman turut menjadi fokus utama IIM bagi tahun 2020. IIM telah berjaya membangunkan dua sistem pengurusan bersepadu secara serentak yang menepati standard antarabangsa bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan serta memastikan IIM bebas daripada gejala rasuah. Fasa terakhir pengauditan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 (QMS) dan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 (ABMS) oleh badan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah berjaya dilaksanakan. IIM dijangka memperoleh kedua-dua pensijilan iaitu ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 pada awal tahun 2021.

Sebagai salah satu agensi peneraju bersama yang tersenarai dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dipertanggungjawabkan membantu agensi kerajaan dan swasta untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), IIM juga telah membangunkan Pelan Antirasuah IIM 2021-2025 dan pelaksanaan inisiatif dalam pelan tersebut telah dijalankan secara berperingkat mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Kredibiliti IIM sebagai sebuah agensi yang menawarkan khidmat konsultasi ABMS dan OACP juga meningkat apabila IIM sendiri melaksanakannya. Ini juga dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan IIM.

"Fasa terakhir pengauditan QMS dan ABMS oleh badan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah berjaya dilaksanakan."

PENGHARGAAN

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah IIM, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali yang juga merangkap Ketua Setiausaha Negara (KSN), semua Ahli Lembaga Pengarah IIM yang kini dan telah bersara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) serta ahli-ahli IIM atas tunjuk ajar dan panduan yang diberikan. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak yang perlu dilakukan terutamanya dalam mendepani masa akan datang yang lebih mencabar akibat pandemik COVID-19. Insya-Allah, melalui usaha sama daripada semua pemegang taruh, terutamanya barisan Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan warga kerja IIM, kita akan terus menjadi satu institusi utama yang membantu kerajaan dalam meningkatkan pembudayaan governans dan integriti agar rasuah dan segala aktiviti yang tidak bermoral dan tidak berintegriti dapat dicegah.

Ucapan terima kasih juga kepada YAB Perdana Menteri, YBhg. Tan Sri Muhyiddin Haji Muhammad Yassin atas kepercayaan dan sokongan beliau selama ini kepada IIM dalam menjayakan pemerkasaan agenda governans, integriti dan antirasuah negara.

Sekian, terima kasih.


"Integriti, Kerja Berpasukan, Profesional"



NOR'AFIZA SAIM
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia



SOROTAN **PENCAPAIAN****JANUARI
2020**Sasaran jualan
RM4.4 juta**FEBRUARI
2020**Program Liabiliti Korporat Seksyen 17A
"Are You Ready? Are You at Risk?"**APRIL
2020**Sasaran jualan disemak
semula menjadi RM1.6 Juta**OKTOBER
2020**Penganjuran Anugerah
Integriti, Governans dan
Antirasuah 2020 (AIGA)



PROFIL **KORPORAT**



Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 4 Mac 2004 dan berfungsi sebagai syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Seiring dengan hala tuju baharu negara, bermula Januari 2019, IIM diamanahkan sebagai badan operasi untuk membangunkan kapasiti dan kompetensi sektor awam dan swasta menerusi penawaran instrumen, produk dan menyediakan perkhidmatan latihan yang mencakupi aspek governans, integriti dan antirasuah.

Fungsi IIM juga selari dengan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mana sasarannya adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas rasuah melalui tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Cepak dan Responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.

IIM telah membangunkan pelbagai produk, instrumen dan program latihan bagi membantu sektor awam, swasta dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan tahap integriti serta menyediakan penyelesaian antirasuah dan tadbir urus di seluruh negara.

VISI

Untuk menjadi institusi utama dalam membangunkan budaya integriti.

MISI

- Meningkatkan kapasiti dan kompetensi sektor awam, GLC dan korporat berkaitan governans, integriti dan antirasuah.
- Menyediakan penyelesaian kepada masalah governans, integriti dan antirasuah di Malaysia.


NILAI TERAS



Integriti



**Kerja
berpasukan**



Profesional

IIM SEBAGAI SALAH SATU AGENSI PENERAJU

Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1.3

Memperkenalkan pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 (ABMS) disemua agensi kerajaan

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1.5

Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2.3

Menambah baik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi kerajaan)

OBJEKTIF STRATEGIK 6.2.1

Mewajibkan badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs), syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM)

OBJEKTIF STRATEGIK 6.1.1

Memperkenalkan tapisan integriti dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan

OBJEKTIF STRATEGIK 2.4.14

Memperkuatkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan kepada badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan dan pihak swasta

**PELAN
ANTIRASUAH
NASIONAL
2019-2023**



JABATAN PERDAMA MENTERI

TADBIR
URUS

PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS

Lembaga Pengarah memberi perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat adalah berdasarkan piawaian tertinggi di IIM. Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH IIM

IIM diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Lembaga Pengarah merupakan golongan profesional yang berpengalaman luas, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang, sama ada dalam perkhidmatan awam, perniagaan, kewangan mahupun perundangan.

LEMBAGA PENGARAH

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah IIM

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus IIM dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju IIM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti IIM adalah selaras dengan matlamat penubuhan IIM. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik IIM.

Lembaga Pengarah juga turut terlibat dalam program-program anjuran IIM dan mengadakan perbincangan secara *ad-hoc* apabila diperlukan bagi memberikan pandangan, nasihat dan buah fikiran.

Imbuhan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menerima elaun bulanan dan elaun mesyuarat sepertimana yang termaktub dalam memorandum IIM.

Proses Membuat Keputusan

Lembaga Pengarah akan diberi tempoh mencukupi bagi

menelaah kertas cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

Integriti

Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisytiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

Komposisi Lembaga Pengarah, Persaraan dan Pelantikan Semula

Komposisi Lembaga Pengarah IIM adalah terdiri daripada sembilan (9) orang ahli. Pengerusi adalah lantikan YAB Perdana Menteri. Lima (5) Ahli Lembaga Pengarah adalah lantikan Lembaga Pengarah. Manakala tiga (3) ahli adalah lantikan melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah IIM juga telah mengadakan empat mesyuarat fizikal dan enam mesyuarat secara edaran sepanjang tahun 2020 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti IIM. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh polisi dan dasar, hal ehwal operasi serta pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan.

Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah:

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2020:

-  Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 1/2020 (10 Mac 2020)
-  Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 2/2020 (15 Julai 2020)
-  Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 3/2020 (21 September 2020)
-  Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 4/2020 (21 Disember 2020)

Berikut merupakan kehadiran Lembaga Pengarah:

Peratusan Kehadiran	Lembaga Pengarah	Jumlah Kehadiran
100%	Dato' Wira Dr. Ismail Haji Ibrahim	4/4
75%	Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	3/4
100%	Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali (mulai 23 Jun 2020)	3/3
100%	Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali (mulai 14 September 2020)	2/2
100%	Dato' Sollehuddin Alyubi Zakaria (mulai 14 September 2020)	2/2
100%	Dato' Yeow Wah Chin (mulai 14 September 2020)	2/2
100%	Encik Sureson Krisnasamy (mulai 23 Oktober 2020)	1/1
0%	Puan Latheefa Beebi Koya (sehingga 9 Mac 2020)	-
100%	Tan Sri Dato' Seri Ranjit Singh Ajit Singh (sehingga 27 Mei 2020)	1/1
67%	Tan Sri Abu Kassim Mohamed (sehingga 5 Disember 2020)	2/3

AHLI LEMBAGA PENGARAH

**Berdiri dari kiri**

Dato' Yeow Wah Chin, Encik Sureson Krisnasamy, Dato' Sollehuddin Alyubi Zakaria, Puan Norliana Ali Akbar (Setiausaha Syarikat)


Duduk dari kiri

Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Dato' Wira Dr. Ismail Haji Ibrahim

Tiada di dalam gambar

Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Tan Sri Dato' Seri Ranjit Singh Ajit Singh, Puan Latheefa Beebi Koya


LEMBAGA PENGARAH




JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah IIM telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan tugasnya. Setiap jawatankuasa ini menjalankan tugas mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan dan bidang kuasa yang diturunkan oleh Lembaga Pengarah IIM.







**A**

Dato' Haji A. Aziz Deraman
 Tuan Haji Abu Hurairah Ahmad
 Leftenan Komander (B) Dr. Abu Yazid Abu Bakar
 Dato' Ir Ahmad Asri Abdul Hamid
 Encik Ahmad Zakir Abdul Rahman
 Dato' Akhbar Satar
 Dr. Al Azmi Bakar
 Datin Aminah Pit Abd Rahman
 Dato' Anthony Reynolds Peter
 Dr. Azrin Ibrahim

F

Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil

H

Komander Hashim Adnan

J

Puan Jamilah Hanim Othman
 Puan Josie Mary V M Fernandez

L

Tan Sri Lee Lam Thye
 Sister Loh Pai Ling
 Datuk Lok Yim Pheng
 Dato' Dr. Low Bin Tick

M

Prof Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid
 Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
 Sr Haji Md Badrul Hisham Awang
 Encik Meor Ibrahim Othman
 Dr. Michael Chiam Tow Hui (Late)
 Dato' Mohamad Salleh Rafie
 Haji Mohammad Diah Haji Wahari
 Ustaz Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
 Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Zaini
 Encik Mohd Azkamal Haji Muhaini
 Encik Mohd Salihin Othman
 Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid
 Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman
 Encik Mohsin Mohd Ghazali
 Dr. Muhamad Azwan Abd Rahman
 Dato' Haji Mustafa Ali
 Tuan Haji Mustafa Sidi
 Encik Mustaffa Kamil Ayub

N

Encik Nik Amlizan Mohamed
 Encik Nik Md Riffin
 Encik Nik Mohamed Yusoff Afendi Jaafar
 Puan Noorjan Mohd Mustapha
 Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur
 Encik Norazman Othman

P

Encik P. Kanason Pothinker
 Datuk P. Venugopal V.K. Menon

R

Encik Rama Sockalingam Nagappan
Dato' Roseley Omar
Encik Roslan Hanapiah
Encik Roslan Pilus
Prof. Dr. Rosman Md Yusoff
Dr. Rozaidi Abdul Rahim Razali

S

Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
Dato' Siva Subramaniam Nagaratnam
Encik Sureson Krisnasamy

T

Dr. Tan Seng Giaw
Encik Thai Ming Yeow

U

Encik Uthaya Sankar Narayanan @ Uthaya Sankar Sb

W

Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan

Z

Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed
Encik Zainal Abidin Pit

KUMPULAN PENGURUSAN



Pengurusan Tertinggi



Puan Nor'afiza Saim
Ketua Pegawai Eksekutif



Encik Mohd Zaaba Abd. Hamid
Pengurus Besar
Bahagian Khidmat Korporat



Tuan Haji Hamilye Sham Harun
Pengurus Besar Kanan
Bahagian Operasi

Bahagian Operasi



Puan Norashikin Baharudin
Ketua Seksyen
Seksyen Sistem Pengurusan



Encik Zafeeq Zulkafly
Ketua Seksyen
Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat



Encik Mohd Rais Ramli
Ketua Seksyen
Seksyen Penilaian Integriti



Encik Fison Hamdi Ahmad
Ketua Seksyen
Seksyen Latihan

Bahagian Khidmat Korporat



Puan Norliana Ali Akbar
Ketua Seksyen
Seksyen Kewangan dan Akaun



Encik Meor Shahram Faiz Mior Shariman
Ketua Seksyen
Seksyen Teknologi Maklumat



Puan Judlifah Mohd Jamil
Ketua Seksyen
Seksyen Pengurusan
Sumber Manusia



Puan Zarina Mohamad Amin
Ketua Seksyen
Seksyen Penyelidikan dan
Pembangunan Ilmu



Puan Alida Mahmod
Ketua Seksyen
Seksyen Pentadbiran


Pegawai Undang-undang dan Seksyen Audit Dalam



Puan Ezzati Muzammil
Pegawai Undang-undang



Puan Nor Azni Ahmad Husairi
Ketua Seksyen
Seksyen Audit Dalam



Senarai Seksyen

SPSM

SEKSYEN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA

SSP

SEKSYEN SISTEM PENGURUSAN

SKA

SEKSYEN KEWANGAN DAN AKAUN

SPKK

SEKSYEN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI
KORPORAT

SP

SEKSYEN PENTADBIRAN

SPI

SEKSYEN PENILAIAN INTEGRITI

SPPI

SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN ILMU

SL

SEKSYEN LATIHAN

STM

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PUU

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

SAD

SEKSYEN AUDIT DALAM


LAPORAN Seksyen Audit Dalam (SAD)

Fungsi

SAD ditubuhkan sebagai badan bebas dan berobjektif yang menjalankan aktiviti pengauditan dan rundingan bagi tujuan penambahbaikan serta mempertingkatkan tahap nilai, kecekapan dan keberkesanan kawalan dalaman serta tadbir urus di IIM. Penubuhannya adalah selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Risiko (JKAR) IIM pada 10 Mei 2019.

Struktur

SAD memberi perkhidmatan kepada JKAR dan melapor terus kepadanya. Selain itu, SAD turut memberi perkhidmatan sokongan kepada pihak Pengurusan IIM. SAD terdiri daripada seorang (1) ketua seksyen, dua (2) pegawai audit dan seorang (1) pembantu tadbir.



Program/Aktiviti Bagi Tahun 2020

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1	Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam di IIM	24 Julai 2020
2	Pengauditan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) berdasarkan MS ISO 9001:2015	28 September – 16 Oktober 2020
3	Pengauditan terhadap Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) berdasarkan MS ISO 37001:2016	6 –16 Oktober 2020
4	Mesyuarat JKAR Bil. 1/2020	17 November 2020

LAPORAN **BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT**

- ◇ Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
- ◇ Seksyen Pentadbiran
- ◇ Seksyen Teknologi Maklumat
- ◇ Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu

BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT

Bahagian Khidmat Korporat terdiri daripada lima (5) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Pentadbiran, Seksyen Teknologi Maklumat, Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu serta Seksyen Kewangan dan Akaun.


Seksyen-seksyen tersebut bertanggungjawab menyokong dan membantu semua aktiviti perniagaan seksyen-seksyen di Bahagian Operasi IIM. Seksyen-seksyen ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti perniagaan dapat berjalan dengan lancar mengikut perancangan.

SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (SPSM)

Prestasi yang cemerlang ke arah menjadi sebuah institusi utama dalam membangunkan budaya integriti memerlukan sumber manusia yang berkompentensi tinggi, berkebolehan dan berkeupayaan dalam menyediakan penyelesaian kepada isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di Malaysia.

SPSM merupakan tonggak utama dalam menguruskan modal insan bagi memastikan prestasi yang cemerlang dalam kalangan warga kerja IIM. SPSM bukan sahaja bertanggungjawab membangunkan kompetensi, tetapi turut merancang dan menguruskan hal-hal berkaitan struktur organisasi, pengambilan pekerja, kebajikan dan sebagainya.

Tahun 2020 adalah tahun yang amat mencabar yang mana SPSM menjadi tumpuan utama dalam hal berkaitan pengoperasian pejabat, penjadualan bekerja dari rumah (BDR), Prosedur Operasi Standard (SOP) hadir ke pejabat, pengesanan kontak rapat bagi penularan penyakit COVID-19, latihan secara maya dan lain-lain. Walaupun banyak perkara baharu yang perlu dipelajari dan ditangani, SPSM telah berjaya mengharungi tahun 2020 dengan pelbagai pencapaian.





Latihan dan Kelayakan Akademik

43


Sejumlah 25 program latihan dalaman dan 18 program latihan luaran telah dianjurkan buat warga kerja IIM

100%

Keseluruhan warga kerja IIM telah menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing

60%

45 warga kerja IIM memiliki ijazah sarjana muda



Status Lantikan Warga Kerja

Warga kerja IIM terdiri daripada lantikan tetap, kontrak dan peminjaman daripada jabatan atau agensi luar. Sehingga 31 Disember 2020, seramai 75 orang telah bersama-sama mencapai visi dan misi IIM. Seramai 28 orang telah dilantik pada tahun 2020 yang terdiri daripada 23 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan lima (5) orang pegawai Kumpulan Pelaksana.



Komunikasi dan Penglibatan Warga Kerja

SPSM komited menyediakan budaya kerja yang sihat dan persekitaran yang harmoni dalam kalangan warga kerja IIM. Pada tahun 2020, sebanyak empat (4) sesi keterlibatan pegawai (*employee engagement*) telah diadakan bagi meningkatkan keterlibatan semua warga dalam agenda serta hala tuju IIM.

Komunikasi antara pihak pengurusan dengan kakitangan diadakan melalui saluran rasmi dan tidak rasmi termasuk sesi “Amanat Ketua Pegawai Eksekutif”, perhimpunan bulanan, mesyuarat, perjumpaan dan makluman serta hebahan dalaman yang dijalankan secara berkala dan berterusan.



▲ Perhimpunan bulanan serta sesi Amanat Ketua Pegawai Eksekutif secara maya



▲ Perhimpunan bulanan diadakan secara maya dan fizikal



Penilaian Prestasi, Pengiktirafan dan Penghargaan

SPSM sentiasa komited dalam usaha ke arah mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan warga kerjanya melalui proses pengambilan, latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersesuaian.

Penilaian tahunan dilaksanakan bagi menilai prestasi setiap kumpulan perkhidmatan dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2020 diberikan kepada lima (5) orang warga kerja IIM yang telah berjaya mencapai tahap kualiti perkhidmatan melebihi sasaran yang telah ditetapkan.



Tatakelakuan

Dasar serta polisi kelakuan dan tata tertib yang lebih komprehensif dilaksanakan agar setiap salah laku pegawai diurus mengikut prosedur yang betul, tepat dan adil di samping menguatkuasakan peraturan-peraturan tata tertib melalui Terma dan Syarat Perkhidmatan Pegawai Institut Integriti Malaysia (2014).

APC

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020

BIL.	NAMA	SEKSYEN
1	Puan Norliana Ali Akbar	Seksyen Kewangan dan Akaun
2	Encik Syazwan Che Mat	Seksyen Teknologi Maklumat
3	Puan Sherina Salahuddin	Seksyen Pentadbiran
4	Puan Mariani Ab Wahab	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
5	Encik Muhammad Faiz Mohd Yusoff	Seksyen Pentadbiran

SEKSYEN **PENTADBIRAN (SP)**

SP penting dalam memastikan segala pengurusan dan perkhidmatan berjalan dengan lancar dan berkesan. Kemudahan fasiliti, ruang kerja, utiliti dan kawalan keselamatan yang disediakan perlu diurus dengan baik bagi menyokong keperluan asas operasi demi menjamin keselesaan warga kerja dan pengunjung IIM.

Penambahbaikan dan Menaik Taraf Kemudahan Sedia Ada

Pada tahun 2020, SP telah menjalankan beberapa aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan lagi tahap keselesaan warga kerja IIM. Antara penambahbaikan yang dibuat termasuk penggantian kerusi pejabat, naik taraf sistem siar raya bangunan, naik taraf Bilik Mesyuarat Utama (BMU) dan ruangan pejabat Pengurusan Tertinggi IIM.

Berikut ialah senarai aktiviti utama SP sepanjang tahun 2020:

-  Januari 2020 - Menggantikan alas meja dan *skirting* baharu
-  Jun 2020 - Menaik taraf sistem siar raya bangunan IIM
-  Oktober 2020 - Menaik taraf Bilik Mesyuarat Utama (BMU) dan ruangan pejabat Pengurusan Tertinggi IIM
-  November 2020 - Memasang poster Polisi Antirasuah, Polisi Kualiti, Polisi 5S dan Ikrar Integriti Korporat
-  Disember 2020 - Melantik kontraktor bagi perkhidmatan membersihkan kawasan, memotong rumput, mencuci longkang/parit/takungan, menyelenggara landskap, membersihkan bangunan dan ruang pejabat serta *housekeeping* bilik penginapan Puri IIM
-  Disember 2020 - Menyediakan kerusi ergonomik bagi semua warga kerja IIM

Auditorium, Dewan Murni, Bilik Seminar dan Puri IIM

Dari Januari sehingga pertengahan Mac 2020, seramai 1,896 orang pengunjung yang terdiri daripada badan kerajaan, swasta, NGO serta persendirian telah menyewa dan menggunakan fasiliti IIM.

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ekoran daripada penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, sewaan bilik penginapan Puri dan fasiliti IIM sepanjang tahun 2020 terjejas dan merekodkan jualan sangat rendah.

Menara INTEGRITI telah diwartakan sebagai pusat kuarantin (jika diperlukan) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Warta Kerajaan Jilid 64 No. 6 yang telah dikeluarkan pada 21 Mac 2020 membolehkan Menara INTEGRITI digunakan pada bila-bila masa sebagai pusat kuarantin pesakit COVID-19. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2020, Menara INTEGRITI tidak pernah digunakan sebagai pusat kuarantin.



▲ Poster Polisi Antirasuah dan Ikrah Integriti Korporat di laluan kafeteria



▲ Bilik Mesyuarat Utama (BMU) berwajah baharu

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT (STM)

STM memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pemantauan rangkaian, aplikasi, perkakasan, perisian sistem serta perkhidmatan teknikal yang digunakan oleh warga kerja IIM. Pada tahun 2020, pelbagai program pembangunan infrastruktur, sistem dan kandungan dilaksanakan oleh STM bagi memastikan perkhidmatan IIM berkualiti dan berada pada tahap yang terbaik. Susulan penularan pandemik COVID-19, STM sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan bagi memastikan operasi IIM berjalan lancar walaupun sebahagian besar warga kerja IIM bekerja dari rumah.

Memperkasakan Infrastruktur ICT

STM meneruskan usaha menaik taraf kemudahan komputer bagi membantu mencapai misi IIM. Ini termasuk menggantikan 23 unit komputer riba dan 14 unit komputer meja yang telah melebihi tempoh penggunaan lima (5) tahun. Selain itu, lapan (8) unit projektor turut dibeli untuk menambah baik fasiliti bilik latihan dan bilik mesyuarat. STM juga telah menaik taraf talian internet IIM kepada 800 MBPS dan menaik taraf rangkaian internet di bilik penginapan Puri (tingkat 9 hingga 13).

Menaik Taraf Aplikasi dan Sistem Dalam Talian IIM

Bagi memantapkan perkhidmatan yang ditawarkan, STM telah menggunakan dan menaik taraf beberapa sistem kewangan seperti sistem pembayaran dalam talian iaitu *SenangPay*, sistem perbankan internet perniagaan AgroBank dan sistem perakaunan IIM, *Auto Count* bagi menyokong norma baharu. STM juga telah mendapatkan beberapa perisian bagi memudahkan urusan harian warga kerja IIM seperti *Doodly*, *Zoom Meeting*, *Zoom Webinar*, *Microsoft Power BI* dan *Survey Monkey*.

Pembangunan Dashboard

Dashboard adalah instrumen interaktif bertujuan memantau dan rekonsiliasi maklumat secara digital. Pada tahun 2020, usaha memantapkan *Dashboard* IIM telah dipertingkatkan. *Dashboard* dibangunkan bagi memberi pelaporan kepada pelanggan produk IIM seperti *Individual Integrity Profile (IIP)* dan *Integrity Assessment Tool (IAT)*. *Dashboard* ini juga digunakan sebagai instrumen ketekunan wajar dan rujukan bagi menyokong sistem pengurusan antirasuah organisasi termasuk data pesalah rasuah, data tapisan vendor dan data berkaitan Indeks Persepsi Rasuah (CPI).



Pembangunan Laman Web Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2020

AIGA 2020 merupakan satu anugerah untuk mengiktiraf sektor awam dan swasta bagi menzahirkan komitmen dalam pembudayaan serta pengamalan integriti, governans dan antirasuah dalam organisasi masing-masing. Susulan pelancaran AIGA, STM telah mengambil inisiatif membangunkan laman web www.aiga.my bagi menyebarkan maklumat berkenaan anugerah ini serta menjadi platform pendaftaran bagi organisasi yang berminat untuk menyertai.



Pembangunan Sistem TV Bangunan IIM

STM telah membangunkan sistem TV Bangunan IIM secara dalaman bagi menjimatkan kos pembangunan dan pemasangan. Lokasi pemasangan adalah di Bilik Kawalan Sistem TV, bilik penginapan Puri dan ruang legar IIM.



Pembangunan Kandungan di Saluran Youtube IIM (Integriti TV)

STM juga telah membangunkan beberapa siri kandungan Integriti TV seperti berikut:

- Webinar bersama Malaysian Corruption Watch (MCW) sebanyak 12 siri;
- Webinar *Breaking the Chain of Corruption Through ABMS for Economic Sustainability*;
- Webinar *Paving the Way Towards a Corrupt Free Nation*;
- Webinar "S17A: Who is Criminally Liable in Bribery Cases?" bersama Malaysian Reform Initiative (MARI);
- Video promosi produk IIM (7 siri), acara/majlis IIM (3 acara/majlis); dan
- Latihan dalaman IIM sebanyak 6 siri.



▲ Antara webinar dan kandungan Integriti TV yang telah dibangunkan

SEKSYEN **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ILMU (SPPI)**

SPPI berperanan sebagai pusat pembangunan penyelidikan, kajian dan Pusat Ilmu IIM. Seksyen ini menggerakkan pengurusan penyelidikan dan memperluaskan kerjasama pintar dengan pihak-pihak berkepentingan, penyelidik dan universiti penyelidikan.

PUSAT ILMU IIM

Pusat Ilmu IIM merupakan sebuah perpustakaan khusus yang mengumpulkan pelbagai bahan bacaan dan rujukan mengenai governans, integriti dan antirasuah dari dalam dan luar negara. Buku-buku dan bahan rujukan yang terdapat di sini bersifat eksklusif dengan visi dan misi IIM untuk menjadi sebuah institusi pemikir berkaitan integriti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bahan bacaan dan rujukan disediakan untuk memenuhi program pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh IIM. Perubahan dan penambahbaikan persekitaran ruangan di Pusat Ilmu IIM bertujuan menarik lebih ramai pengunjung dan memberi keselesaan khususnya kepada warga kerja IIM.



▲ Persekitaran dalam pusat ilmu yang santai dan selesa



▲ Ruang bacaan di Pusat Ilmu berwajah baharu dan teratur

Portal Kolaboratif IIM

Penyusunan dan penyelarasan portal kolaboratif IIM dibuat bagi memudahkan komunikasi dan kolaborasi bersepadu dilakukan. Ia menyediakan platform untuk berkongsi maklumat seperti dokumen, slaid dan statistik berkaitan dengan aktiviti-aktiviti di setiap bahagian dan seksyen di IIM.

Koleksi Bahan Bacaan dan Rujukan

Jumlah bahan bacaan dan rujukan di Pusat Ilmu sehingga Disember 2020 ialah sebanyak 9,613. Bahan bacaan dan rujukan ini terdiri daripada pelbagai jenis dan sesuai menjadi rujukan kepada semua pihak termasuk penyelidik. Perolehan bahan baharu yang telah dikatalog dan diklasifikasikan disenaraikan di muka surat yang seterusnya.

BIL.	PEROLEHAN	KATEGORI	TAHUN 2020	TAMBAHAN
1.	Koleksi bahan rujukan	Buku/monograf	5203	101
		Bahan bacaan berkala	36	8
		Risalah	438	-
		Keratan akhbar	3235	550
		Audio visual	501	4
		Album foto	21	-
2.	Kandungan digital	Pangkalan data	5	-
		Koleksi artikel	10	-
		<i>E-Resources</i> (portal)	12	-
3.	Bahan repositori	Penerbitan IIM (buku)	71	-
		Dokumen Institutsi	20	-
		Buletin/newsletter	10	6
		Dokumen MOU	34	-
		Kajian IIM (KPIN)	7	-
		Laporan	7	-
		Tesis/kajian	12	-
4.	Lain-lain	Integriti link	3	-
		JUMLAH	9,613	669

Jadual 1: Perolehan Pusat Ilmu IIM sehingga Disember 2020 (data ini diambil sebelum proses penyisihan (*weeding*) bahan bacaan dilakukan)

PENYELIDIKAN

Bengkel Pembangunan Instrumen Kajian Keberkesanan ABMS

Bengkel Pembangunan Instrumen Kajian Keberkesanan ABMS telah diadakan pada 13 hingga 15 Mac 2020 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Seramai 13 orang ahli Jawatankuasa Kajian ABMS, iaitu wakil daripada IIM, pasukan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP), SIRIM Berhad dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menyertai bengkel tersebut.

Bengkel ini diadakan adalah untuk membangunkan instrumen bagi soalan-soalan kajian yang dijalankan secara temu bual bersemuka dan edaran borang soal selidik (kuantitatif) berkaitan dengan pelaksanaan ABMS. Instrumen yang dibangunkan ini adalah hasil perbincangan bersama peserta yang hadir mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Pasukan penyelidik UMP telah dilantik sebagai perunding bagi melaksanakan gerak kerja kajian iaitu pengutipan data (temu bual dengan organisasi terlibat), menganalisa data dan penulisan pelaporan kajian. Pada awal cadangan kajian, gerak kerja pengutipan data kajian lapangan dilakukan secara fizikal. Namun, kaedah ini ditukar kepada bentuk komunikasi secara maya susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.



▲ Taklimat penutup sesi bengkel instrumen oleh Tuan Haji Hamilye Sham Harun



▲ Ahli-ahli Jawatankuasa Kajian Keberkesanan ABMS

Pelaksanaan Kajian Keberkesanan ABMS

Kajian Keberkesanan ABMS telah disempurnakan dengan sesi pembentangan pada 24 September 2020 oleh Dr. Suhaidah Husin, Ketua Pasukan Penyelidik UMP. Projek kajian ini telah siap dalam jangka masa lapan bulan iaitu dari Januari hingga Ogos 2020. Metodologi kajian bagi proses pengutipan data telah diubah kepada temu bual melalui aplikasi Zoom dan edaran borang survei secara maya berikutan pelaksanaan PKP.

Responden kajian adalah sebanyak lapan (8) organisasi daripada 11 organisasi yang terdiri daripada badan berkanun, swasta, kerajaan tempatan, koperasi dan penguatkuasa yang mana telah dipersijilkan pada tahun 2017. Kajian rintis (*pilot survey*) juga dilakukan kepada tiga (3) wakil organisasi yang bertujuan untuk menilai kefahaman responden terhadap instrumen yang telah dibangunkan kepada organisasi dan rakan perniagaan yang terlibat.

Hasil dapatan kajian ini turut dikongsikan dalam pembentangan *Forum: Breaking The Chain of Corruption Through ABMS for Economic Sustainability* oleh Ketua Pegawai Eksekutif IIM pada 13 Ogos 2020. Forum ini merupakan anjuran bersama IIM dan SIRIM Berhad.

Pasukan perunding UMP telah menyerahkan laporan lengkap kepada IIM pada November 2020.

LAPORAN **BAHAGIAN OPERASI**

- ◇ Seksyen Sistem Pengurusan
- ◇ Seksyen Penilaian Integriti
- ◇ Seksyen Latihan
- ◇ Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sistem Pengurusan, Seksyen Penilaian Integriti, Seksyen Latihan serta Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat.

Seksyen-seksyen tersebut bertanggungjawab melaksanakan aktiviti perniagaan, program, pembangunan produk, pengurusan pelanggan, pemasaran serta komunikasi dalaman dan luaran IIM. Seksyen-seksyen ini juga memainkan peranan dalam memastikan aktiviti penjanaan pendapatan IIM dilaksanakan berdasarkan pelan perniagaan yang telah dibangunkan.

SEKSYEN SISTEM PENGURUSAN (SSP)


SSP bertanggungjawab memberi khidmat konsultasi kepada klien mengenai sistem pengurusan dan pelan yang boleh dibangunkan bagi membanteras dan memerangi rasuah. Sistem pengurusan dan pelan ini adalah Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Penilaian Risiko Rasuah (CRA) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). ABMS dapat membantu organisasi korporat dalam memenuhi keperluan Tatacara Mencukupi di bawah subseksyen (5) Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS)

ABMS adalah satu standard yang diterbitkan oleh *The International Organization for Standardization* (ISO) pada tahun 2016 bagi mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah dalam organisasi yang boleh diguna pakai oleh agensi kerajaan, swasta, perusahaan kecil dan sederhana (SME) serta badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu sistem yang mempunyai langkah-langkah kawalan dan pencegahan rasuah yang dibangunkan berdasarkan amalan terbaik (*best practices*) antirasuah di peringkat global.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan ABMS melalui khidmat konsultasi SSP sepanjang tahun 2020:

BIL.	AGENSI
1	UDA Holdings Berhad
2	Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)
3	Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC)
4	Boustead Holdings Berhad
5	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.
6	Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB)
7	Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)
8	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)
9	SME Bank Berhad
10	Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)
11	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)



Sesi konsultasi ABMS yang diadakan secara maya ▲

Penilaian Risiko Rasuah (CRA)

Kita sadar bahawa nilai yang mempunyai sifat ihsan ini sering menjadi perhatian semua untuk berakhlak dan bertanggungjawab dalam segala bidang kehidupan, dan agam, perhubungan kecil dan besar semua kepentingan, ihsan berkeadilan dan berakhlak baik.

Contoh

Perilaku dan tindakan pekerja atau sebagai satu yang menghayati dalam masyarakat besar dan kecil akan terakut dalam tindakan dan contoh baik, ihsan dalam segala perkara, berakhlak daripada yang kecil kepada yang besar akan penting.

Perilaku dan tindakan pekerja akan mengambarkan sifat keadilan yang berkeadilan seseorang itu satu seorang semua masyarakat dalam waktu pada waktu hari. Dia menggunakan kerja ihsan yang terbaik yang diibaratkan. Dia tidak mengabaikan bahawa kerja itu akan diibaratkan oleh orang yang terbaik, malah menjadi tempat sempurna untuk menghasilkan kerja ihsan yang hebat dan mengembangkannya di tempat yang penting itu untuk pengamiran keadilan seseorang. Penerima hal ini mungkin mengambil masa hanya beberapa minit.

tepatnya dan hubungan kepada keadilan serta aman dan ihsan.

Kita sadar bahawa nilai yang mempunyai sifat ihsan ini sering menjadi perhatian semua untuk berakhlak dan bertanggungjawab dalam segala bidang kehidupan, dan agam, perhubungan kecil dan besar semua kepentingan, ihsan berkeadilan dan berakhlak baik.

Contoh

Perilaku dan tindakan pekerja akan mengambarkan sifat keadilan yang berkeadilan seseorang itu satu seorang semua masyarakat dalam waktu pada waktu hari. Dia menggunakan kerja ihsan yang terbaik yang diibaratkan. Dia tidak mengabaikan bahawa kerja itu akan diibaratkan oleh orang yang terbaik, malah menjadi tempat sempurna untuk menghasilkan kerja ihsan yang hebat dan mengembangkannya di tempat yang penting itu untuk pengamiran keadilan seseorang. Penerima hal ini mungkin mengambil masa hanya beberapa minit.

© Hak Kekayaan Intelektual (HAKI) Bersemita Bersemita (Bersemita) Bersemita

SINAR HARIAN • JUMAT 7 OKTOBER 2020

NASIONAL

15

#Malaysia

Dialog untuk menegakkan integriti



PERSPEKTIF
DR ISMAIL IBRAHIM

Ketika teknologi maklumat dan perhubungan menguasai pemikiran dan sikap manusia moden ketika ini, maka wabak yang dibawa tidaklah setaraf dengan ilmu yang disalurkan melalui sistem itu.

Banyak pengaruh negatif perhubungan maya yang berlaku hingga kita merasa bahawa alat perhubungan moden melalui media sosial, perhubungan elektronik atau sebarang forum dan komunikasi rasmi serta tidak rasmi telah dicemarkan dengan pengucapan yang negatif, kasar, tidak beradab, malah bertentangan dengan nilai-nilai

dan diplomasi sering tercemar dengan sikap, ungkapan serta serangan mulut yang amat mengaibkan.

Saya amat ingin sekiranya perhubungan antara sesama manusia dilakukan dengan sebaiknya. Maka, dialog bolehlah disifatkan sebagai satu jambatan mesra dan wadai beradab yang menghubungkan antara manusia sejagat dengan penuh sopan dan berguna untuk semua.

Dialog tidaklah seharusnya menjadi satu perdebatan dalam cara dan matlamatnya yang berbeza-beza, sebaliknya dialog menjadi forum perbincangan dan pertukaran pandangan yang terbuka untuk mencari penyelesaian yang baik bagi kepentingan umum.

Dialog bertujuan mencari persefahaman. Pihak yang berdialog sewajarnya berusaha dan berfikir ke arah mendapatkan persefahaman, bukan sebaliknya yang merupakan pertentangan melalui seolah-olah untuk membuktikan bahawa pihak penentang sahaja yang benar, manakala pihak lain adalah salah.

dangan yang menjadi matlamatnya, walaupun kemenangan itu hanya merupakan 'menang sorak, kampung tergadai'.

Peserta dialog mendengar pandangan orang lain untuk memahami, meneliti isu pokok dan mendapatkan persetujuan, bukan mencari kelemahan orang lain dan menekan habis-habisan secara negatif.

Pandangan

Dialog dan perbincangan seharusnya berusaha mengembangkan sesuatu isu dan fikiran yang berkemungkinan dapat mengubah pandangan peserta yang lain dan pada masa yang sama dapat menilai semula sesuatu andaian atau pemikiran asal. Bukan bertujuan memperkuatkan sesuatu andaian yang telah dikeluarkan tanpa mengubah sedikit pun pandangan asal yang agak menyeleweng.

Dalam konteks menegakkan integriti sesebuah negara dan masyarakat, maka integriti adalah asas yang penting sebagai nilai yang dihayati oleh pekerja

dan pasukan semua institusi serta agensi haruslah terbina atas dasar kepercayaan dan keberkesanan kerjasama yang sihat untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang universal dan beramalah. Apa-apa saja definisi integriti dan mutu kerja adalah berasaskan unsur serta rukun itu dalam semua hasil kerja dan perkhidmatan.

Politik partisan melalui dan melampau sering disedari masyarakat sebagai unsur negatif dan ketidakadilan. Sebab itu, orang ramai menggesa jawatan pemerintahan negara haruslah diberikan kepada orang yang mempunyai sikap jujur dan amanah, sikap yang berdasarkan falsafah dan penghayatan integriti.

Sesebuah institusi dan sistem hidup yang baik akan rosak binasa dan hancur lebur sekiranya ditangani serta diuruskan oleh pemimpin yang rosak akhlak dan rendah moral serta etikanya, yang bersifat keperibadian melalui dan sempit untuk kepentingan diri sendiri serta melupakan kepentingan awam sama sekali.

Sinar Harian | 7 Julai 2020 | Page: 17

Dasar antirasuah negara diteruskan



PERSPEKTIF
ZOHAYRI ABADIY SOFIAN

Dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKK-MAR) yang telah diadakan pada 25 Jun 2010, kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk meneruskan keputusan dasar yang telah dicapai sebelum ini.

Antara keputusan penting tersebut adalah mengadakan mesyuarat JKK-MAR dan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kebangsaan secara berkala selaras dengan Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018.

Usaha pencegahan dan pengawalan rasuah dalam sektor awam terus dimantapkan. Semua kementerian dan jabatan sektor awam dikehendaki me-

dalam sektor swasta turut dimantapkan dengan sistem pencegahan rasuah melalui *beneficiary ownership* dan entiti perniagaan mengikut Garis Panduan Tatacara Mencukupi.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan tadbir urus dan integriti melalui pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi memastikan hasrat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan.

Ini merupakan satu isyarat yang sangat penting kepada masyarakat bahawa kerajaan Perikatan Nasional amat serius dalam usaha menghapuskan rasuah, meningkatkan tadbir urus terbaik dan membantas segala bentuk penyelewengan yang berlaku sama ada dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta.

Institut Integriti Malaysia (Integriti) menyambut baik keputusan yang dibuat oleh kerajaan ini dan sedia

ah. Di antaranya ialah Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

OACP dirumuskan dengan tujuan membantu organisasi untuk membangunkan rancangan strategik antirasuah korporatnya sendiri. Ia menggariskan pernyataan masalah, pendekatan dan program yang berkaitan dalam semua aspek pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

Bantu

Di samping itu, Integriti juga merupakan salah satu agensi yang diamanahkan kerajaan untuk membantu organisasi kerajaan dan swasta dalam membangunkan dan mendapatkan persijilan ISO 37001 - Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS).

Standard ini digunakan untuk membantu organisasi untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah. Sistem pengurusan antirasuah memerlukan organisasi untuk menerima dasar antirasuah, melantik seseorang untuk mengawasi pematuhan antirasuah, latihan,

penyelewengan dan salah guna kuasa serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematis sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Di samping itu terdapat juga perkhidmatan *Individual Integrity Profiling* (IIP), *Integrity Assessment Tool* (IAT), *Community Integrity Building* (CIB) dan Program Latihan Etika dan Integriti. Kesemua produk itu diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan kapasiti keupayaan dan kompetensi kepada semua sektor awam, korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Namun begitu, harus diingat dalam usaha bersama kita melangkah ke hadapan untuk memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan tadbir urus terbaik, semua pihak bermula daripada peringkat kepimpinan tertinggi negara sehinggalah masyarakat perlu memberikan sokongan dan kerjasama. Tanpa ini se-

Utusan Malaysia

Utusan Malaysia | 5 November 2020 | Page: 15

Integriti: Covid-19 bukan alasan

MOHD. ZUKI ALI


INSTITUT Integriti Malaysia (IIM) bersama Pusat Governance, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) mempunyai peranan signifikan dalam pembangunan kapasiti dan kompetensi sektor awam dan badan korporat berhubung usaha pemantapan integriti serta profesionalisme menerusi penekanan terhadap pengaplikasian instrumen dan teknologi baharu.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 merupakan antara inisiatif kerajaan yang komprehensif dan inklusif ke arah mencapai matlamat negara bebas rasuah dan berintegriti.

NACP adalah pelan bersepadu jujug kali digubal bagi menentang rasuah, menggariskan enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha pembantahan rasuah di negara ini. Bidang itu ialah tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang serta tadbir urus korporat.

Sehingga 31 Mei lalu, sebanyak 29 inisiatif di bawah enam strategi pelaksanaan NACP berjaya dijayakan.

Selain itu, peranan GIACC sebagai Sekretariat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) terus diperkasakan bagi memastikan hasrat murni kerajaan ini dapat dilaksanakan secara terusun dan berkesan. Jawatankuasa Antirasuah (JAR) yang dilaksanakan di beberapa peringkat kementerian dan jabatan juga akan dimantapkan bagi memastikan dasar yang dirangka tidak berkompromi terhadap sebarang tindakan rasuah.

Dalam memperkasakan



kompetensi penjawat awam amnya, GIACC mengambil inisiatif menganjurkan kursus *Strategic Leadership Course on Governance, Integrity and Anti-Corruption* dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP), Jabatan Perkhidmatan Awam (IPA) dan Razak School of Government melibatkan kumpulan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional yang berpotensi dan dipilih oleh IPA.

SOP

Bagi merealisasikan mekanisme transformasi baharu pemantapan integriti dalam kerangka penguatkuasaan, IIM mengambil langkah inovatif dengan membina rangkaian perkongsian pintar dan komprehensif menerusi kepelbagaian pendekatan terutama dalam bidang pembekalan latihan, konsultasi dan program kesedaran dengan memperkenalkan beberapa produk perkhidmatan, instrumen serta kaedah yang boleh dilaksanakan secara praktikal dalam usaha



Kesemua inisiatif ini tetap boleh dilaksanakan sama ada secara dalam talian mahupun fizikal dengan pemuatnahan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat."

memperkuatkan sistem kualiti pengurusan dalam sebuah organisasi.

Pendekatan ini juga secara tidak langsung dapat merealisasikan sistem pengurusan kualiti perkhidmatan penjawat awam mahupun swasta bagi menjamin peningkatan amalan governance, integriti dan antirasuah.

Selanjutnya IIM sebagai pusat kecemerlangan pembangunan budaya integriti, kerajaan sentiasa

memfokuskan dan menitikberatkan akauntabiliti kepemimpinan berintegriti dalam organisasi dan negara, malah individu yang memiliki integriti tinggi merupakan prasyarat utama dalam menentukan kepimpinan dalam setiap organisasi.

Sempena memperingati Hari Integriti Nasional yang disambut 5 November setiap tahun, setiap organisasi tidak seharusnya menjadikan alasan Covid-19 untuk tidak melaksanakan program pemantapan integriti. Kesemua inisiatif ini tetap boleh dilaksanakan sama ada secara dalam talian mahupun fizikal dengan pemuatnahan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dengan tujuan:

i) Memupuk kesedaran dalam kalangan penjawat awam mengenai keperluan dan kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti.

ii) Memberi penjelasan mengenai isi-isu berkaitan kesalahan tatatertib, ketidakpatuhan tadbir urus dan mewujudkan kesedaran tentang norma tatakualakan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di kementerian dan agensi.

iii) Memberi akses kepada warga kementerian dan jabatan/agensi untuk memperoleh dan menyebarkan maklumat berkaitan isu-isu governance, integriti dan antirasuah dengan lebih mudah dan tepat.

RISIKO

IIM juga berperanan memberikan konsultasi dan nasihat kepada ketua badan awam dan swasta dalam mengenal pasti punca risiko kepada berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berhubung amalan, sistem dan tatacara kerja dalam organisasi masing-masing.

Selain itu, IIM juga bertindak sebagai institusi yang membantu proses runding cara dan pelaksanaan beberapa inisiatif strategik antirasuah seperti Penilaian

Risiko Rasuah (GRA), Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016, Pelaksanaan Garis Panduan Tata Cara Mencukupi, Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Taklimat-Taklimat Liabiliti Korporat (Seksyen 17A), Latihan Etika dan Integriti, Penilaian Integriti Individu (IIP) dan mengkoordinasi sebarang maklumat latihan konsultasi kepada ahli-ahli berdaftar dalam Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM).

Kesemua inisiatif ini menjadi pencetus dalam usaha-usaha pencegahan rasuah di sektor swasta, badan korporat dan agensi kerajaan. Keterlibatan semua pihak sangat kritikal dalam memastikan matlamat pembantahan rasuah dan pengamalan budaya integriti dapat dijayakan dengan sempurna. Selain itu, terdapat pelbagai langkah lain yang boleh diambil oleh setiap organisasi termasuklah analisa dan pengurusan untuk mengenalpasti potensi risiko rasuah, prosedur pelaksanaan untuk menetapkan dan menambahkan tadbir urus serta amalan-amalan antirasuah.

Usaha menambahkan sistem pengurusan dalam organisasi bukan sekadar disambut pada Hari Integriti Nasional setiap November, namun perlu dilaksanakan setiap masa dan di mana juga tindakan kita sebagai individu dalam organisasi.

Pandemik Covid-19 telah merubah paradigma baharu dari segi tatacara budaya kerja dan norma sosial masyarakat. Namun keberhasilan produktiviti negara hendaklah sentiasa menjadi keutamaan demi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara. Selamat menyambut Hari Integriti Nasional 2020 bertepatan Integriti Penentu Kejayaan Budaya Kerja Negara Baharu.

TAN Sri Mohd. Zuki Ali
Pengurus Institut Integriti Malaysia (IIM)

Astro AWANI



TERKINI ENGLISH MALAYSIA VIDEO DUNIA POLITIK HIBURAN SUKAN RANCANGAN GAY

Patriotisme kemerdekaan dipelihara, integriti dipulihara

Hamiye Sham Harun
Ogos 31, 2020 06:00 MYT



Perarakan Pasukan Berkuda Perkhidmatan Awam sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2020 dan Jubli Perak Putrajaya di Jambatan Putra. -Bernama

PROGRAM DAN AKTIVITI DI PERINGKAT IIM

- ◇ Forum, Seminar dan Webinar
- ◇ Pembangunan ABMS dan QMS
- ◇ Aktiviti Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- ◇ Sesi Apresiasi Sempena Persaraan YBhg. Tan Sri Abu Kassim
- ◇ Sesi Penyerahan Pelan Antirasuah IIM 2021-2025

FORUM

19 FEBRUARI 2020

Liabiliti Korporat Seksyen 17A Akta SPRM (2009) “ARE YOU READY? ARE YOU AT RISK?”

Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM) dengan kerjasama IIM telah menganjurkan program Corporate Liability Section 17A of the MACC Act, 2009 bertajuk “ARE YOU READY? ARE YOU AT RISK?” pada 19 Februari 2020 di Dewan Murni, IIM. Seramai 80 peserta telah hadir yang terdiri daripada pengarah organisasi/syarikat perundingan kejuruteraan di Malaysia termasuk ahli dan bukan ahli ACEM.

Program tersebut menampilkan empat panelis. Puan Nor’afiza Saim, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah menyampaikan topik berkaitan 115 inisiatif yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Manakala Encik Mohd Nur Lokman Samingan, Penolong Pesuruhajaya Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengulas mengenai Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang berkuat kuasa

mulai 1 Jun 2020. Puan Shuhairoz Mohamed Shukeri, Ketua Seksyen Pengurusan Sistem Antirasuah menyampaikan topik berkaitan Tatacara Mencukupi (*Adequate Procedures*) bagi melindungi organisasi daripada dikenakan sabitan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 serta cabaran dan peluang dalam melaksanakan perniagaan yang penuh berintegriti.

Seramai 50 peserta mendapat manfaat daripada program ini. ACEM telah menyatakan komitmen kolaboratif dengan IIM bagi menganjurkan siri bengkel yang memfokuskan "bagaimana" pelaksanaan dan tatacara mencukupi yang diperlukan untuk melindungi organisasi dan membanteras gejala rasuah pada masa akan datang.



CORPORATE LIABILITY:

Section 17(A) of MACC Act, 2009
ARE YOU READY? ARE YOU AT RISK?

Wednesday, 19 February 2020

SEMINAR


8 JUN 2020

Peningkatan Integriti Aktivis Antirasuah Musim COVID-19

IIM menjalinkan kerjasama pintar dengan Malaysia Corruption Watch (MCW) menerusi penganjuran bersama seminar secara maya bertajuk Peningkatan Integriti Aktivis Antirasuah Musim COVID-19. Ini merupakan usaha berterusan IIM untuk memberikan pendidikan dan maklumat kepada rakyat Malaysia khususnya ahli MCW tentang kepentingan nilai integriti dalam setiap urusan kehidupan. Seminar yang julung kali diadakan ini terbahagi kepada 12 modul dan berlangsung dari 8 hingga 24 Jun 2020. Ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

IIM sentiasa komited untuk memberikan kefahaman, pendidikan, latihan dan khidmat perundingan kepada semua pihak sama ada sektor awam dan swasta dalam aspek governans, integriti dan antirasuah. Seramai 50 peserta mendapat manfaat daripada program ini.

IIM juga sentiasa membuka ruang untuk membentuk jalinan kerjasama dengan mana-mana pihak demi menjayakan agenda kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.



FORUM

13 OGOS 2020

Breaking the Chain of Corruption through ABMS for Economic Sustainability

IIM dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah bekerjasama menganjurkan forum *“Breaking the Chain of Corruption through ABMS for Economic Sustainability”* pada 13 Ogos 2020. Forum ini merupakan yang pertama kali diadakan secara hibrid kombinasi secara maya dan bersemuka bertempat di Auditorium Integriti, IIM. Secara keseluruhan, seramai 400 peserta telah hadir melalui kedua-dua platform.

Objektif program ini adalah untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai status pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), mengupas bagaimana ABMS dapat membantu perniagaan tempatan mencapai pertumbuhan dalam jangka masa panjang, berkongsi pengalaman Top Glove Corporation Berhad dalam usaha membanteras rasuah dan berkongsi dapatan kajian mengenai kesan pelaksanaan ABMS terhadap organisasi yang telah melaksanakannya.

Forum turut membincangkan topik berkaitan pelaksanaan peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020, yang membolehkan syarikat didakwa sekiranya terlibat atas kesalahan rasuah.

Barisan panelis terdiri daripada tokoh korporat terkemuka dan pakar dalam bidang antirasuah. Mereka adalah Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC); Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi SIRIM Berhad; Dato’ Lee Kim Meow, Pengarah Urusan Top Glove Corporation Bhd.; dan Puan Nor’afiza Saim, Ketua Pegawai Eksekutif IIM. Moderator adalah Encik Mohd Azanuddin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



FORUM

19 OGOS 2020

Paving The Way Towards A Corrupt – Free Nation

IIM telah menganjurkan forum bertajuk *Paving The Way Towards a Corrupt – Free Nation* pada 19 Ogos 2020 di Auditorium Integriti. Forum ini membincangkan berkenaan jenayah kewangan dan bagaimana ia boleh menyumbang kepada kegiatan rasuah. Selain itu, ia turut mengulas tentang pendekatan yang tepat untuk membasmi jenayah kewangan sekali gus membanteras rasuah. Forum ini turut memfokuskan kepada penerapan nilai-nilai integriti dalam kalangan syarikat milik kerajaan negeri (SOE) serta pengenalan kepada Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan 2018).

Forum yang dihadiri seramai 246 peserta ini juga memberi mesej kepada para peserta daripada kalangan sektor awam

dan swasta bahawa pemahaman terhadap undang-undang berkaitan salah laku rasuah dan jenayah kewangan sangat penting. Sikap ambil tahu ini perlu dijadikan budaya di setiap peringkat di organisasi.

Panelis bagi forum ini ialah Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC); Dato' Seri Mustafar Ali, Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC); dan Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Moderator bagi forum ini ialah Encik Salihin Othman daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).



WEBINAR

18 NOVEMBER 2020

S17A: Who is Criminally Liable in Bribery Cases?

Pada 18 dan 19 November 2020 telah diadakan sesi webinar bertajuk *Section 17A: Who is Criminally Liable in Bribery Cases?*. Webinar ini merupakan anjuran IIM dengan kerjasama Malaysia Reform Initiative (MARI), USAID dan Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia.

Pada hari pertama, sesi webinar disertai oleh 484 peserta daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat senarai awam (PLC). Encik Mark Andrew telah berkongsi pengalaman Amerika Syarikat dalam melaksanakan *Foreign Corrupt Practices Act* dan Encik Jayantha Kumar daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) memberi penerangan berkaitan liabiliti korporat serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Puan Nor'afiza Saim, Ketua Pegawai Eksekutif IIM membentangkan mekanisma antirasuah yang mampu melindungi organisasi komersial. Manakala Dr. Zubaidah menerangkan tentang jenayah komersial dan penggubahan wang haram.

Webinar pada hari kedua pula disertai oleh 149 peserta daripada perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang memfokuskan kepada aspek undang-undang Seksyen 17A. Puan Ezzati Muzammil, Pegawai Undang-undang IIM telah memberi penjelasan yang terperinci mengenai Seksyen 17A dan Puan Farah Idayu Jaafar, Konsultan Kanan IIM menyampaikan topik "*Corruption Free Within Organisation*". Sesi terakhir dikendalikan oleh Supt. Norzamani Mat Zin, Ketua Unit AMLA, Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

PEMBANGUNAN ABMS DAN QMS

Aktiviti ke Arah Pensijilan Sistem Pengurusan Bersepadu MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) dan MS ISO 9001: 2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

Program pembangunan dan pelaksanaan ABMS dan QMS telah bermula seawal Januari 2020. Segala komitmen dan kerjasama warga kerja IIM akhirnya membuahkan hasil apabila kedua-dua sistem telah berjaya dibangunkan. Kejayaan ini bukanlah usaha sehari dua. Selain melibatkan semua warga kerja IIM, ia juga perlu melalui pelbagai proses.

BIL	PROGRAM	TARIKH
1	Bengkel Risiko dan Peluang Rasuah	16 Januari 2020
2	Semakan Dokumen	10 Februari 2020
3	Pembangunan Dokumentasi dan Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016	10 Mac – 30 Jun 2020
4	Bengkel Pembangunan Pelan Risiko dan KPI	6 - 7 Julai 2020
5	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti	Julai 2020
6	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah	Ogos 2020
7	Bengkel Audit Dalam	3 September 2020
8	Pembentukan Jawatankuasa Pelaksanaan QMS	4 September 2020
9	Perlaksanaan Audit Dalam	22 September - 23 Oktober 2020
10	Latihan dan Taklimat Seksyen 17A, Dokumentasi ISO, Kesedaran Sistem Pengurusan Bersepadu IIM dan Taklimat Perolehan	September – November 2020
11	Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan	2 dan 18 Disember 2020
12	Audit Peringkat Pertama	7 - 8 Disember 2020
13	Audit Peringkat Kedua	28 – 30 Disember 2020



▲ Warga kerja IIM di setiap peringkat menggembeng tenaga membangunkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Bersepadu ABMS dan QMS


AKTIVITI SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Pada 7 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengumumkan mengenai pengesanan sejenis virus yang boleh menyebabkan gejala seakan selesema (*common flu*) kepada pesakit. Pada awalnya, virus tersebut dinamakan 2019-nCoV dan kini dikenali sebagai COVID-19.

Pada 11 Mac 2020, WHO mengisytiharkan penularan wabak COVID-19 sebagai pandemik. Susulan daripada itu, Kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Penguatkuasaan PKP di seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020. Justeru, tiada warga kerja IIM yang dibenarkan hadir ke pejabat untuk bertugas selama tempoh PKP.

Fasa Pertama PKP: 18 – 31 Mac 2020

Sepanjang tempoh PKP fasa pertama dilaksanakan, pihak Pengurusan IIM mengambil inisiatif melaksanakan bekerja dari rumah (BDR) atau *work from home* (WFH) agar kesinambungan kerja serta aktiviti IIM dapat diteruskan. Mesyuarat secara maya menjadi aktiviti perantara utama untuk semua perbincangan dan keputusan.



◀ Mesyuarat, perbincangan, latihan dan sesi konsultasi dijalankan secara maya menggunakan aplikasi Zoom sepanjang tempoh PKP



▲ Mesyuarat, perbincangan, latihan dan sesi konsultasi dijalankan secara maya menggunakan aplikasi Zoom sepanjang tempoh PKP



▲ IIM turut aktif dalam menyebar luas pesan khidmat masyarakat melalui poster elektronik (e-poster) yang dimuat naik ke media sosial IIM

SESI APRESIASI SEMPENA PERSARAAN YBHG. TAN SRI ABU KASSIM MOHAMED, AHLI LEMBAGA PENGARAH IIM

IIM telah mengadakan majlis perpisahan YBhg. Tan Sri Abu Kassim pada 3 Disember 2020 di Auditorium Integriti. Sesi apresiasi ini diadakan bagi menghargai khidmat dan bakti YBhg. Tan Sri Abu Kassim sepanjang menjadi Ahli Lembaga Pengarah IIM.

Segala khidmat nasihat, tunjuk ajar, kata-kata motivasi dan panduan daripada YBhg. Tan Sri Abu Kassim akan terus dijadikan panduan warga kerja IIM untuk terus bangkit dan bergerak ke depan dengan lebih cemerlang dan gemilang dalam memartabatkan negara Malaysia di mana akan lebih dikenali kerana integritinya, dan bukan rasuahnya, insya-Allah.

Warga kerja IIM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jasa, pimpinan dan khidmat bakti YBhg. Tan Sri Abu Kassim.



SESI PENYERAHAN PELAN ANTIRASUAH IIM 2021-2025

Pada akhir tahun 2020, IIM telah selesai membangunkan Pelan Antirasuah IIM bagi tempoh 2021-2025. Satu sesi penyerahan ringkas telah diadakan di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 21 Disember 2020. Pelan Antirasuah IIM 2021-2025 merupakan perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik bagi IIM sebagai agensi peneraju pemerkasaan integriti di Malaysia. Segala perancangan dan strategi yang telah diatur dan direncanakan diharapkan dapat meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga kerja IIM tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti serta menolak sebarang perlakuan rasuah dalam organisasi.



▲ Selesai Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM kali ke-4, telah berlangsung sesi penyerahan Pelan Antirasuah IIM 2021-2025 oleh Puan Nor'afiza Saim, Ketua Pegawai Eksekutif IIM kepada barisan Lembaga Pengarah di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

LAPORAN PENGARAH & PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

31 DISEMBER 2020

82	MAKLUMAT KORPORAT	91	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
83-86	LAPORAN PARA PENGARAH	92	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
87	KENYATAAN PARA PENGARAH	93	PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
87	AKUAN BERKANUN	94-95	PENYATA ALIRAN TUNAI
88-90	LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	96-110	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

MAKLUMAT KORPORAT

PARA PENGARAH	: DATO' WIRA DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA DATO' YEOW WAH CHIN SURESON A/L KRISNASAMY
SETIAUSAHA SYARIKAT	: NORLIANA BINTI ALI AKBAR (MIA 31905)
PEJABAT BERDAFTAR	: MENARA INTEGRITI PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50480 KUALA LUMPUR
TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA	: MENARA INTEGRITI PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50480 KUALA LUMPUR
JURUAUDIT	: AL JAFREE KUZAIMI SALIHIN (AF 1522) AKAUNTAN BERTAULIAH NO. 555, JALAN SAMUDRA UTARA 1 TAMAN SAMUDRA 68100 BATU CAVES SELANGOR DARUL EHSAN

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah untuk melaksanakan strategi, kempen dan program untuk menepati aspirasi kebangsaan, objektif dan matlamat berkaitan dengan integriti, anti-rasuah dan tadbir urus baik.

Tiada perubahan ketara berlaku kepada aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebihan dana bagi tahun kewangan	<u>673,408</u>

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Merujuk kepada Seksyen 45(2)(b), Akta Syarikat 2016, sesebuah syarikat berhad berasaskan jaminan yang ditubuhkan dengan tujuan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat adalah dilarang untuk membayar sebarang dividen kepada ahli-ahlinya.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:

Dato' Wira Dr. Ismail Bin Haji Ibrahim	
Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan	
Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali	(Bermula pada 23.6.2020)
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Bin Ali	(Bermula pada 14.9.2020)
Dato' Sollehuddin Alyubi Bin Zakaria	(Bermula pada 14.9.2020)
Dato' Yeow Wah Chin	(Bermula pada 14.9.2020)
Sureson A/L Krisnasamy	(Bermula pada 23.10.2020)
Latheefa Beebi Koya	(Tamat pada 9.3.2020)
Tan Sri Dato' Seri Ranjit Singh A/L Ajit Singh	(Tamat pada 27.5.2020)
Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed	(Tamat pada 5.12.2020)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sama ada pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Institut menjadi pihak di mana para pengarah Institut mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Institut atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Institut) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Institut atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Amaun imbuhan para pengarah Institut terdiri daripada imbuhan yang diterima atau belum terima dari Institut dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2020 RM
Elaun para pengarah	<u>115,500</u>

Tiada pengarah atau pengarah terdahulu Institut telah menerima apa-apa faedah lain selain daripada tunai daripada Institut sepanjang tahun semasa.

Tiada bayaran telah dibayar kepada atau diterima oleh mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Institut oleh para pengarah atau pengarah Institut terdahulu sepanjang tahun semasa.

GANTI RUGI PENGARAH, PEGAWAI DAN JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai dan juruaudit Institut.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Institut disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk:

- (i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang perlu dihapuska dan tiada peruntukan yang perlu dibuat bagi hutang ragu; dan
- (ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:

- (i) perlu menghapuska hutang lapuk atau perlu memperuntukkan hutang ragu di dalam penyata kewangan Institut; dan
- (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Institut mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Institut yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luarjangka Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah:

- (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Institut untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada butiran, urusaniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

JURUAUDIT DAN YURAN JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai Juruaudit.

Yuran juruaudit adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 6 MAY 2021



**TAN SRI MOHD ZUKI
BIN ALI**
Pengarah



**DATO' WIRA DR. ISMAIL
BIN HAJI IBRAHIM**
Pengarah

Selangor, Malaysia

KENYATAAN PARA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, **TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI** dan **DATO' WIRA DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM**, dua orang daripada para pengarah **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan ini memaklumkan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan telah disediakan dengan sewajarnya mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2020 dan hasil operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh **6 MAY 2021**



**TAN SRI MOHD ZUKI
BIN ALI**
Pengarah



**DATO' WIRA DR. ISMAIL
BIN HAJI IBRAHIM**
Pengarah

Selangor, Malaysia

AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 251 (1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, **NORLIANA BINTI ALI AKBAR**, sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah, pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan mengenai kebenarannya serta menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama di atas di **Batu Caves**
dalam negeri **Selangor Darul Ehsan**
pada **6 MAY 2021**



NORLIANA BINTI ALI AKBAR
(MIA: 31905)

Dihadapan saya,



No. 48M - Jalan SBC 3,
Taman Sri Batu Caves
68100 batu Caves, Selangor.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Institut pada **31 Disember 2020**, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, serta satu ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 91 hingga 110.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada **31 Disember 2020** dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas bagi pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Institut mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengarah Institut bertanggungjawab untuk maklumat yang lain yang terdiri daripada laporan para pengarah dan tidak termasuk penyata kewangan Institut dan laporan juruaudit mengenainya. Pendapat kami ke atas penyata kewangan Institut tidak termasuk maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulannya.

Sehubungan itu, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dengan mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara material dengan penyata kewangan Institut atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau jika tidak, nampak tersalah nyata secara ketara. Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami merumuskan bahawa wujud salahnyata yang material berhubung maklumat yang lain, maka kami perlu melaporkan fakta yang berkenaan. Berhubung perkara ini, kami tidak mempunyai apa-apa perlu dilaporkan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Pengarah Institut bertanggungjawab untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia, dan untuk kawalan dalaman di mana pihak pengurusan menentukan perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika pengarah sama ada berniat untuk membubarkan Institut atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)

